

Rakyat jadi mangsa pembalakan, perlombongan dan korek pasir

Kenapa aniaya kami?

Laporan
Khas

BAHAGIAN AKHIR

ALOR SETAR 20 Dis. - Kerakusan aktiviti pembalakan di Kedah yang didakwa diselubungi unsur penyelewengan bukan sahaja mengundang risiko ancaman bencana alam seperti banjir lumpur tetapi juga menyebabkan rakyat teraniaya.

Hasil tinjauan *Utusan Malaysia* di Bukit Kachi umpamanya memperlihatkan bagaimana rakyat menderita. Bukit Kachi yang mulanya digazet sebagai kawasan tadahan air digondolkan untuk memberi laluan kepada projek ladang rakyat.

Bagaimanapun, sebaik sahaja kerajaan negeri menyedari kawasan tersebut mengandungi tungsten, kawasan yang 'gah' dipacak papan tanda projek ladang rakyat bertukar menjadi kawasan lombong tungsten.

Sejak itu bermulalah penderitaan rakyat kawasan tersebut yang rata-rata menyara hidup dengan menoreh getah apabila pokok-pokok yang sebelum ini menjadi sumber pendapatan mereka ditebang tanpa sebarang notis mahupun pampasan.

Daripada beberapa responden yang ditemubual, **RESPONDEN PERTAMA, Ani Salleh**, 49, memberitahu dia menjadi mangsa selepas kerajaan negeri meluluskan perlombongan tungsten di 12 lot tanah di Bukit Kachi.

Jelas Ani, terdapat dua syarikat yang menjalankan kerja perlombongan di Bukit Kachi iaitu satu dari Taiwan manakala satu lagi syarikat milik rakyat tempatan tetapi dakwanya, syarikat tempatan itu tidak mempunyai lesen melombong.

"Tapi syarikat tempatan ini tetap melakukan kerja perlombongan dan akhirnya kami penduduk yang menjadi mangsa kerana di antara lot-lot tanah yang diluluskan itu, terdapat tanaman getah penduduk yang sudah matang.

"Saya salah seorang mangsa. Mengambil tanah di Bukit Kachi ini milik kerajaan tetapi kami sudah lama tanam getah dan mengeluarkan modal sehingga RM10,000. Mengapa langsung tidak diberi notis kalau mahu tebang?

"Mengapa buat kami macam langsung tiada nilai sehingga langsung tidak diberitahu, jauh sekali hendak membayar pampasan atas kerugian yang penduduk terpaksa

MUKADIMAH

SIRI satu dan dua laporan khas *Utusan Malaysia* berkait dengan ancaman bencana alam serta kesan kerakusan pembalakan sama ada dari segi aspek banjir lumpur berskala besar mahupun kemusnahan terhadap tanaman padi.

Manakala siri tiga pula mendedahkan bagaimana wujudnya unsur-unsur penyelewengan dalam dalam projek pembalakan sehingga prosedur yang sepatutnya diikuti dipandang sepi oleh pihak berwajib khususnya kerajaan negeri.

Hari ini keluhan rakyat Kedah yang teraniaya akibat daripada tindakan kerajaan negeri meluluskan operasi tebus guna tanah sama ada untuk pembalakan, perlombongan mahupun korek pasir pula menjadi fokus pendedahan.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **MOHD. ASRON MUSTAPHA** dan jurugambar **HALIM KHALID** tampil dengan temubual bersama penduduk Kedah yang memberi pelbagai reaksi, luahan dan keluhan berkait kesengsaraan mereka.

Ikuti siri terakhir laporan *Utusan Malaysia* yang berkongsi rasa kekecewaan rakyat negeri itu.

Kawasan perlombongan tungsten

- | | | |
|-------------------|---------------------|---------------------|
| ■ Lot 87 - PT7379 | ■ Lot 152 - PT6720 | ■ Lot 1805 - PT6717 |
| ■ Lot 88 - PT7380 | ■ Lot 180 - PT6719 | ■ Lot 1827 - PT7382 |
| ■ Lot 89 - PT7381 | ■ Lot 1771 - PT6718 | ■ Lot 1828 - PT7383 |
| ■ Lot 90 - PT6721 | ■ Lot 1783 - PT7384 | ■ Lot 2098 - PT7385 |

tanggung? Apa dosa kami rakyat miskin ini," luahnya.

RESPONDEN KEDUA

Nasib sama dijangka bakal menimpa seorang lagi penduduk di Bukit Kachi, **Shahidan Ramli**, 43, apabila kebun getahnya seluas empat hektar yang sudah berusia lima tahun kini hanya dipisahkan dua meter dari tapak lombong.

Menurut Shahidan, dia hanya menyedari perkara itu selepas dimaklum pekebun-pekebun getah lain dan terkejut setelah melihat sendiri tindakan syarikat perlombongan yang mendapat kelulusan kerajaan negeri.

Seperti Ani, dia juga memberitahu penduduk di Bukit Kachi yang berpuhul tahun mengusahakan kebun getah sebagai mata pencarian langsung tidak diberi notis sehingga merasa seperti warganegara kelas kedua.

"Selepas perkara ini kecoh ada wakil syarikat datang jumpa kononnya kebun getah saya tidak akan ditebang tetapi saya tahu itu cuma janji kosong. Saya tengok sendiri jarak kebun dengan tapak lombong cuma dua meter.

"Kalau mereka boleh tebang pokok

getah penduduk lain tanpa rasa berdosa, tanpa notis dan pampasan apa jaminan perkara sama tidak berlaku kepada saya. Sedangkan itulah mata pencarian kami di sini," katanya.

RESPONDEN KETIGA

Lain pula kisah penderitaan penduduk di daerah Sik yang telah tiga kali dilanda banjir lumpur terburuk dalam tempoh 50 tahun sejak 2010 ekoran pembalakan berleluasa sehingga merosakkan banyak harta benda.

Mereka yang rata-rata berpendapatan rendah menerima kesan cukup hebat kerana terpaksa menanggung kerugian berikutan kediaman, peralatan elektrik serta perabot banyak musnah dalam tiga siri banjir itu.

Bagi seorang penduduk, **Suraya Zahari**, 37, beliau bukan sahaja mengalami kerugian harta benda tetapi sehingga kini masih trauma dengan banjir lumpur yang berlaku ketika sedang bersiap untuk menyediakan juadah sahur pada 2010.

"Juadah yang sepatutnya dimakan semasa sahur langsung tak sempat dijamah kerana bimbang dengan keselamatan anak-anak selepas air



ANI Salleh (kanan) dan Shahidan Ramli menunjukkan satu daripada dua batang pokok selepas ditebang oleh syarikat perlombongan di Bukit Kachi, Kedah, baru-baru ini.

deras bercampur lumpur naik dengan mendadak kira-kira pukul 4.30 pagi. Semuanya berpunca daripada kegiatan pembalakan di kawasan Hutan Simpan Teloi," katanya.

RESPONDEN KEEMPAT

Sementara itu, **Zakaria Abd. Majid**, 54, pula berkata, kerajaan negeri bertanggungjawab sepenuhnya ke atas setiap bencana yang menimpa

penduduk kerana lesen pembalakan di kawasan tadahan air diluluskan sendiri oleh pucuk pimpinan negeri pada hari ini.

Zakaria berkata, ketika banjir yang membawa sisa balak serta lumpur setebal 0.2 meter berlaku pada 2010, beberapa buah kampung di Sik menjadi mangsa antaranya Kampung Bendang Man dan Kampung Sungai Semeliang.

"Sebelum ini pun memang pem-



PENDUDUK kampung terpaksa bergotong-royong membersihkan peralatan yang rosak akibat banjir di Sik, Kedah, baru-baru ini.